

UUM bantu tingkat akademik warga TEKUN

Muhammad Arifuddin Che Azmi

10 Julai 2018 7:45 PM

KUALA LUMPUR 10 Julai - Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi program peningkatan akademik warga kerjanya.



Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif TEKUN, Datuk Baharom Embi

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif TEKUN, Datuk Baharom Embi berkata, kakitangan terbabit akan menjalani tiga kali latihan daripada UUM dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan.

FOTILE
JULY OVEN BONANZA!
10th July 2018 - 31st July 2018
Only applicable for REX Series of Oven
REGISTER NOW
www.fotile-campaigns.my

"Program kerjasama kali ini melibatkan barisan kepimpinan terdiri daripada 18 ketua jabatan dan 24 timbalan ketua jabatan dalam tempoh pengajian selama tiga bulan.

"UUM menyediakan enam modul pengajian dan peserta program yang terpilih ditaja sepenuhnya oleh TEKUN," katanya kepada pemberita di Ibu pejabat TEKUN Nasional di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Ahli Lembaga TEKUN Nasional, Siti Norazlina Seni dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UUM, Profesor Dr. Ayoib Che Ahmad -

UTUSAN ONLINE

Tag Berkaitan

Kuala Lumpur

Jabatan dan Agensi

Terkini